

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# 360 korban rekod tertinggi

**Kes baharu menurun kepada 18,688, 39 lagi kluster dikesan**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Angka korban COVID-19 di negara ini mencatatkan jumlah tertinggi melepasi 300 kes semalam, iaitu sebanyak 360 kes kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes itu menjadikan jumlah keseluruhan korban di negara ini meningkat kepada 10,749 kes.

Beliau berkata, daripada jum-

lah kes kematian yang dilaporkan semalam, 296 kes membabitkan warga negara manakala 64 kes lagi warga asing.

"Daripada jumlah kes kematian semalam, 277 kes mempunyai sejarah penyakit manakala 85 kes kematian pula dilaporkan sebelum tiba di hospital (BID).

"Sebanyak 211 kes kematian dilaporkan di Selangor, Kuala Lumpur (41), Melaka (20), Perak (17), Pulau Pinang (15), Johor (14), Kedah (tujuh), enam masing-masing di Negeri Sembilan dan Pahang serta lima masing-masing di Sabah dan Terengganu, Putrajaya (dua) dan satu kes di Kelantan," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes sembuh turut mencatatkan angka tertinggi dengan 17,055 kes, menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih daripada COVID-19 kini mencecah

1,026,398 atau 81.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Mengenai kes harian baharu, Dr Noor Hisham berkata, ia menunjukkan penurunan kepada 18,688 kes, menjadikan jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 1,262,540 kes.

"Semua negeri mencatatkan pertambahan kes dengan Selangor melaporkan kes tertinggi iaitu sebanyak 6,565 kes, diikuti Kuala Lumpur (1,833 kes), Kedah (1,610), Sabah (1,379), Johor (1,308), Negeri Sembilan (1,140), Kelantan (870 kes), Perak (861), Pulau Pinang (694), Pahang (602), Terengganu (598), Sarawak (581), Melaka (526), Putrajaya (63), Perlis (enam) dan Labuan (dua).

"Daripada jumlah kes berkenaan, 18,287 kes atau 97.9 peratus adalah pesakit kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan, 401 kes lagi atau 2.1 peratus kategori tiga hingga lima iaitu mempu-

nyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen serta kritikal," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, secara keseluruhannya, hanya 4,460 kes atau 23.9 peratus mempunyai sejarah vaksinasi iaitu kategori satu (1,146), kategori dua (3,244), kategori tiga (51), kategori empat (14) dan kategori lima (lima)," katanya.

Mengulas mengenai 39 kluster baharu yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham berkata, ia membabitkan 18 kluster di tempat kerja, 15 dalam kalangan komuniti, dua kluster di pusat tahanan serta kumpulan berisiko manakala satu kluster dalam institusi pendidikan dan keagamaan.

Katanya, 39 kluster baharu itu sudah menjangkiti 1,172 kes dan kluster tertinggi melaporkan pertambahan kes ialah tempat kerja dengan 605 kes baharu, komuniti (400) dan pusat tahanan (80).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : COVID-19



ORANG ramai menunggu untuk mendapatkan suntikan vaksin secara walk-in di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam. - Gambar NSTP/MOHD YUSNI ARIFFIN

Oleh Shaiful Shahrin  
Ahmad Pauzi  
am@hmetro.com.my

## PETUGAS SUNTIK DUA VAKSIN BERBEZA

# KKM jalankan siasatan

Bagan Serai

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menjalankan siasatan berhubung kesilapan petugas yang didakwa memberi suntikan vaksin berbeza kepada seorang penerima di Sik, Kedah pada Khamis lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, biarpun belum ada laporan rasmi daripada penerima vaksin itu namun pihaknya memandangkan serius perkara terbabit.

"Berhubung dakwaan yang tular seperti laporan media, KKM masih belum menerima laporan daripada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah dan sekiranya

perkara ini berlaku sudah pasti JKN Kedah akan maklumkan kepada kita.

"Namun begitu, satu siasatan secara menyeluruh akan dibuat berhubung dakwaan itu dan sehingga hari ini (semalam), belum ada laporan diterima KKM daripada penerima vaksin terbabit.

"Di Malaysia kita tidak pernah dan tidak bercadang mengamalkan suntikan dua jenis vaksin berbeza namun di luar negara seperti United Kingdom, kajian campuran vaksin Astra Zeneca dan Pfizer dibuat dan ianya tidak mendatangkan sebarang kesan kepada penerimanya,"



katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan lawatan kerja di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Dato Zainal



Petugas bahagian suntikan juga perlu menunjukkan kandungan vaksin yang terdapat dalam picagari sebelum dan selepas suntikan"

Dr Noor Azmi

Abidin Zin di sini, semalam.

Menurutnya, satu kajian akan dibuat berhubung pemberian dos ketiga dari jenis vaksin berbeza namun

masih dalam peringkat perbincangan sebelum dilasaskan.

Katanya, menyedari kelelahan dan bebanan kerja di PPV, pihaknya menasihatkan petugas bahagian suntikan agar lebih berhati-hati serta memeriksa jenis vaksin dan kandungan dos sebelum melakukan suntikan kepada penerima.

"Petugas bahagian suntikan juga perlu menunjukkan kandungan vaksin yang terdapat dalam picagari sebelum dan selepas suntikan bagi mengelakkan sebarang masalah berbangkit seperti beberapa kes yang berlaku sebelum ini," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial apabila seorang wanita berusia 30 tahun mendakwa ibunya berusia 58 tahun menerima suntikan dos kedua dengan vaksin berbeza dan turut dilaporkan media, kelmarin.

Wanita itu juga mendakwa ibunya yang terdahulu menerima vaksin jenis Pfizer disuntik dos kedua dengan vaksin jenis Sinovac di PPV Dewan Al Hana, Sik, Kedah pada Khamis lalu.

Bagaimanapun, wanita berkenaan memaklumkan ibunya tidak mengalami sebarang kesan mudarat selain tidak mahu melanjutkan perkara itu.

## Vaksinasi secara walk-in kini ikut waktu operasi PPV

**Kuala Lumpur:** Kaedah suntikan pelalian secara datang terus (walk-in) di Lembah Klang kini dibenarkan mengikut waktu operasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) masing-masing.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKAV) menjelaskan garis panduan terbaharu berhubung pemberian vaksin secara datang terus itu berkuat kuasa serta-merta.

"Walk-in ke PPV di Lembah Klang yang disenaraikan sebelum ini kini dibenarkan mengikut waktu

operasi PPV masing-masing dan tidak lagi bermula hanya jam 2 petang," katanya dalam satu kenyataan di Twitter, semalam.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick), Khairy Jamaluddin, sebelum ini mengumumkan sembilan PPV di Lembah Klang dikhaskan untuk warganegara berusia 18 tahun ke atas menerima suntikan pelalian masing-masing, secara walk-in, mulai jam 2 petang berkuat kuasa 2 hingga 22 Ogos.

PPV terbabit ialah Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), HCO F; Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), HCO G; Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), HCO H; Pusat Konvensyen Bangi Avenue (BACC); Hotel Wyndham, Klang; Dewan TAR Sabak Bernam; Dewan Komuniti Serendah; Movenpick Hotel & Convention Center KLIA. Sepang dan Pusat Konvensyen Ideal, Shah Alam (IDCC).

Pemberian vaksin menggunakan kaedah sama kepada warga asing pula bakal

dijalankan di Stadium Nasional Bukit Jalil, Selangor mulai esok hingga 22 Ogos ini.

Sementara itu, perkembangan liputan vaksin menyaksikan sebanyak 425,698 dos vaksin diagihkan kepada penerima yang layak, kelmarin, dengan 186,035 ialah dos pertama manakala 239,663 lagi adalah dos kedua.

Sejak Pick dilaksanakan pada 23 Februari lalu, sebanyak 24,033,988 dos vaksin diberikan kepada penerima yang layak.

Berdasarkan jumlah keseluruhan itu, sebanyak 15,536,215 meliputi dos pertama manakala 8,497,773 ialah dos kedua.

Sekiranya dihitung, jumlah pemberian dos kedua vaksin di seluruh negara setakat kelmarin mewakili 26 peratus daripada populasi di Malaysia dan mencecah 36.3 peratus daripada jumlah individu dewasa di negara ini.

Di samping itu, mengikut pembahagian negeri, Lembah Klang iaitu Kuala Lumpur dan Selangor menda-

hului jumlah pemberian vaksin dengan 8,574,506 dos, diikuti Sarawak (3,129,355 dos) dan Johor (1,706,376 dos).

Perbandingan antara kadar pemberian vaksin lengkap dengan jumlah populasi dewasa pula menyaksikan Wilayah Persekutuan Labuan kini berada pada tahap 84.8 peratus iaitu yang tertinggi disusuli Sarawak (72.3 peratus), Negeri Sembilan (50 peratus), Lembah Klang (49.6 peratus), Perlis (48 peratus), dan Melaka (33.1 peratus).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

## 192 penduduk Orang Asli disaring

**Kuala Pilah:** Seramai 192 penduduk di Kampung Orang Asli Guntur, Batu Kikir, dekat sini, menjalani ujian saringan Covid-19 selepas Pusat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Pilah mengesan terdapat 12 kes positif wabak berkenaan, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Pengurusan Bencana Daerah Kuala Pilah Mohd Faizal Abdul Manap berkata, mereka yang disaring diarah menjalani kuarantin selama 10 hari di rumah masing-masing sementara menunggu keputusan ujian.

"Secara keseluruhannya ujian saringan dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa sebarang gangguan dan tamat pada jam 7 malam.

"Semua sampel berjaya dikumpulkan oleh PKD Kuala Pilah. Kita mendapat kerjasama Jabatan Penerangan daerah yang membuat hebahan untuk mengajak penduduk hadir ke balai raya kampung bagi menjalani saringan.

"Selain itu, tiga pasukan ditubuhkan untuk pergi dari rumah ke rumah bagi tujuan melakukan saringan," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini, semalam.

Mohd Faizal yang juga Pegawai Daerah Kuala Pilah berkata, berpandukan mak-



*Secara keseluruhannya ujian saringan dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa sebarang gangguan dan tamat pada jam 7 malam"*

**Mohd Faizal**

lumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terdapat kluster baharu di daerah ini dikenali sebagai Kluster Guntur.

Katanya, kes indeks bagi kluster berkenaan adalah seorang lelaki berusia 62 tahun yang dilaporkan positif pada 3 Ogos lalu selepas ujian saringan terhadap individu bergejala dijalankan sehari sebelum itu.

"Keputusan saringan penduduk dijangka diperoleh dalam masa tiga hingga empat hari lagi," katanya.

Mengenai keperluan makanan penduduk yang dikuarantin, beliau berkata, bantuan barangan seperti beras, sayur, ayam dan ikan diagihkan kepada penduduk terbabit.

"Bahan makanan asas berkenaan disumbangkan Penyelaras Dewan Undangan Negeri Juaseh dan Pejabat Parlimen Kuala Pilah," katanya.

## Bekalan darah hospital di Kedah hanya bertahan 4 hari

**Alor Setar:** Bekalan darah bagi kegunaan hospital di Kedah berada pada tahap kritikal berikutan ia dijangka mampu bertahan untuk tempoh empat hari lagi.

Ketua Perkhidmatan Transfusi Kedah, Dr Siti Nadiyah Abdul Kadir berkata, jumlah kutipan darah menurun antara 30 hingga 40 peratus sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dilak-

sanakan sejak 1 Jun lalu.

"Penurunan kutipan darah itu berkemungkinan disebabkan oleh sekatan pergerakan dan kurangnya penderma di lokasi pendermaan kerana bimbang dengan peningkatan kes positif Covid-19 di Kedah.

"Bekalan darah sedia ada tidak mampu bertahan sekiranya kurangnya penderma tampil untuk menderma," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Siti Nadiyah berkata, walaupun pembedahan elektif ditangguhkan pada waktu ini, namun penggunaan darah masih tinggi kerana banyak kes yang memerlukan bekalan darah seperti kemalangan jalan raya.

Selain itu, katanya, darah diperlukan untuk kes pesakit yang perlu

menjalani pembedahan kecemasan, separa kecemasan dan ibu tumpah darah semasa bersalin.

"Terdapat juga pesakit yang memerlukan bekalan darah berterusan seperti pesakit talasemia dan anemia kronik.

"Saya meminta orang ramai agar tampil menderma darah dengan se-

gera bagi memastikan rawatan kepada pesakit yang memerlukan transfusi darah tidak terjejas," katanya.

Menurutnya, orang ramai tidak perlu bimbang kerana Unit Pendermaan Darah sentiasa mengamalkan langkah pencegahan Covid-19, malah Majlis Keselamatan Negara (MKN) memberi kebenaran pergerakan kepada penderma darah untuk pergi ke lokasi

pendermaan di daerah yang sama.

"Bagi yang sudah mendapat vaksinasi Covid-19, mereka boleh menderma darah semula selepas tujuh hari sekiranya tidak mempunyai gejala," katanya.

Orang ramai yang berminat boleh hadir ke Unit Pendermaan Darah Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan hospital seluruh Kedah atau menghubungi talian di 04-7746051.

**Unit Pendermaan Darah sentiasa amal langkah pencegahan Covid-19**

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Oleh Raja Noraina Raja  
Rahim  
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia sekali lagi mencatatkan kes kematian tertinggi apabila 360 kes dilaporkan, semalam termasuk 85 kes kematian di luar hospital (BID).

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes kematian itu menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 10,749 kes.

"Daripada jumlah kes kematian baharu itu, 221 kes di Selangor, Kuala Lumpur (41), Melaka (20), Perak (17), Pulau Pinang (15), Johor (14), Kedah (tujuh) dan masing-masing enam di Negeri Sembilan serta Pahang.

"Masing-masing lima kes di Sabah dan Terengganu, dua kes di Putrajaya serta satu kes di Kelantan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengenai kes baharu, Dr

## 360 MAUT: MALAYSIA MENANGIS

Noor Hisham berkata, sebanyak 18,688 kes dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif 1,262,540 kes, dengan 225,393 kes aktif.

Menurutnya, hanya 401 kes iaitu 2.1 peratus daripada keseluruhan kes baharu semalam terdiri daripada kategori tiga hingga lima manakala 18,287 kes iaitu 97.9 peratus daripada kategori satu dan dua.


"Selain itu, hanya 4,460 kes iaitu 23.9 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan kelmarin mempunyai sejarah imunisasi Covid-19," katanya.

Katanya, seramai 1,095 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada

jumlah itu, 571 pesakit memerlukan bantuan pernafasan.

Dalam pada itu, beliau berkata, negara turut merekodkan 17,055 kes sembuh, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 1,026,398 kes atau 81.3 peratus daripada keseluruhan kes.

DR Noor Hisham



## 2,061 waris sudah terima RM10.3 juta

Kuala Lumpur: Sebanyak RM10.3 juta sudah disalurkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) menerusi Bantuan Khas Pengurusan Kematian Covid-19 kepada 2,061 waris individu yang meninggal dunia akibat Covid-19 sejak Jumaat lalu.

Ketua Pengarah Nadma, Datuk Dr Aminuddin Hassim berkata, ia berdasarkan sejumlah 3,618 permohonan diterima untuk bantuan berkenaan dengan baki 590 permohonan sedang diproses dan 967 permohonan sedang dalam padanan data dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Beliau berkata, hanya waris si mati bagi kematian berkaitan Covid-19 membabitkan warganegara Malaysia di negara ini sahaja boleh memohon bantuan khas pembayaran one-off RM5,000 itu.

Aminuddin juga menjelaskan, hanya pengesahan kematian berkaitan Co-

vid-19 yang dikeluarkan KKM terpakai untuk pengesahan bantuan khas ini selain hanya satu waris sahaja layak menerimanya.

Berhubung masalah waris yang menghadapi kesukaran mengemukakan dokumen berkaitan, Aminuddin berkata, pihaknya sedia membantu bagi mempermudah proses permohonan.

"Contohnya ada keluhan tak ada sijil kematian sebab Jabatan Pendaftaran Negara tak buka, pakailah apa-apa dokumen menunjangkan bahawa mereka ini benar-benar meninggal dunia akibat Covid-19, sijil kubur ke dan apa juga dokumentasi supaya kami dapat proses dalam masa terdekat," katanya.

Bayaran dibuat secara pindahan dana elektronik (EFT) kepada pemohon yang layak dalam tempoh 30 hari daripada tarikh permohonan yang lengkap.

## Peralihan fasa ikut bilangan kemasukan baharu ke hospital

Kuala Lumpur: Bilangan kemasukan Baharu ke hospital kes bergejala akan digunakan sebagai indikator bagi peralihan fasa di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) untuk negeri di dalam fasa satu yang sudah mencapai kadar vaksinasi sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk dewasa.

Menteri Penyelaras PPN Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, ia susulan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara dan Majlis Pemulihan Negara (MPN) yang dipengerusikan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin minggu ini yang memutuskan untuk menggunakan indikator itu sebagai satu daripada indikator bagi peralihan fasa PPN.

Beliau berkata, keputusan ini dibuat berdasarkan nasihat pakar kesihatan serta pengalaman antarabangsa dan domestik de-

ngan penelitian bahawa risiko penularan Covid-19 menurun seiring peningkatan kadar vaksinasi penduduk dewasa.

"MPN memutuskan bahawa indikator tersebut hanya akan menggantikan indikator sedia ada (iaitu bilangan kes Covid-19 harian baharu) apabila vaksinasi sesebuah negeri di dalam fasa satu telah mencapai kadar sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk dewasa," menurutnya dalam kenyataan.

Tengku Zafrul berkata, penanda aras bagi kes bergejala yang digunakan adalah berdasarkan kemasukan harian ke hospital bagi jumlah kes pesakit dalam kategori tiga, empat dan lima.

"Nilai ambang seluruh ne-

gara bagi bilangan kes bergejala untuk peralihan fasa satu ke fasa dua iaitu 2,000 kes sehari seluruh negara (6.1 per 100,000 penduduk), peralihan fasa dua ke fasa tiga 1,000 kes (3.0 per 100,000 penduduk) manakala peralihan fasa empat ke lima 400 kes (1.3 per 100,000 penduduk)," katanya.

Menteri Kewangan itu berkata, penilaian bagi peralihan daripada satu fasa ke fasa selanjutnya masih tertakluk kepada keperluan memenuhi kesemua indikator termasuk penggunaan kapasiti unit rawatan rapi (ICU) dan kadar vaksinasi penduduk dewasa.

"Sebagai contoh bagi Lembah Klang, Johor, Negeri Sembilan, Kedah dan Melaka yang masih berada di fasa satu, apabila mereka mencapai kadar vaksinasi seku-

rang-kurangnya 50 peratus penduduk dewasa, indikator kes yang akan diguna pakai ialah kemasukan kes baharu ke hospital yang bergejala.

"Seterusnya, negeri ini hanya boleh beralih ke fasa dua jika mencapai nilai ambang kes kemasukan hospital baharu yang bergejala (6.1 per 100,000 penduduk) dan tahap kapasiti penggunaan ICU sederhana," katanya.

Beliau berkata, keputusan ini juga diambil selepas risiko penularan dilihat jelas ter-  
kawal di Sarawak dan Labuan dengan pengu-  
rangan ketara kes bergejala serta yang memerlukan rawatan di ICU.

"Walaupun Sarawak dan Labuan berdepan dengan pengu-

### INDIKATOR BAHARU

Peralihan fasa	Kes bergejala sehari (nilai ambang seluruh negara)	Kes bergejala sehari/100,000 penduduk
Fasa 1 ke Fasa 2	2,000	6.1
Fasa 2 ke Fasa 3	1,000	3.0
Fasa 3 ke Fasa 4	400	1.3

INFOGRAFIK Metro



PENANDA aras bagi kes bergejala yang digunakan adalah berdasarkan kemasukan harian ke hospital bagi jumlah kes pesakit dalam kategori tiga, empat dan lima.

naan kapasiti wad ICU penuh semasa Jun namun setelah kadar vaksinasi mencecah 50 peratus pada Julai, penggunaan kapasiti wad ICU menurun dan mencapai tahap mencukupi," katanya.

Beliau berkata penilaian risiko bagi mempertimbang pembukaan aktiviti ekonomi dan sosial akan lebih tepat jika berasaskan kepada bilangan kes bergejala kategori tiga, empat dan lima berbanding merujuk jumlah kes harian baharu.

"Contohnya, walaupun kes harian baharu di Sarawak mencecah 400 sehari tetapi bilangan pesakit baharu kategori tiga, empat dan lima kurang daripada 10 pesakit atau dua peratus daripada kes harian.

"Negara seperti United Kingdom juga mengambil pendekatan yang tertumpu

kepada kadar kes bergejala dan terus membenarkan pembukaan aktiviti ekonomi dan sosial berdasarkan penilaian risikonya iaitu jumlah kes bergejala adalah rendah walaupun jumlah kes baharu masih tinggi," katanya.

Tengku Zafrul juga berkata sejak awal pengumuman PPN, kerajaan menekankan pelan itu perlu bersifat dinamik dengan semua pendekatan diambil adalah berdasarkan data dan sains.

"Ini termasuklah penetapan indikator dan nilai ambang untuk peralihan fasa. Penggunaan nilai indikator baharu ini akan dapat menambah baik penilaian risiko dalam mempertimbang pembukaan aktiviti ekonomi dan sosial dalam konteks peralihan fasa PPN," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 5  
 RUANGAN : NEGARA

## Dr. Sha'ari sebak, seru kerjasama orang ramai bendung Covid-19

**SHAH ALAM** – Walaupun kes harian Covid-19 di Selangor masih tinggi, namun tidak sesekali mematahkan semangat lebih 30,000 petugas kesihatan untuk terus memerangi pandemik itu.

Perkara itu diterjemahkan menerusi video 'Kita Takkan Mengalah' berdurasi lebih tiga minit di laman Youtube terbitan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) yang meraih lebih 11,000 tontonan sejak dimuat naik kelmarin.

Mereka antaranya terdiri daripada kakitangan hospital, Pusat Kesihatan Daerah (PKD), klinik kesihatan, skuad vaksin bergerak dan Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Selangor.

Berdasarkan video itu didapati, Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman tidak dapat menahan sebaknya serta menyeru rakyat bekerjasama membendung penularan pandemik.

"Tanpa anda semua, kejayaan ini tidak dapat dicapai. Kejayaan hanya dapat diukur apabila Covid-19 dan kematian berkurangan.

"Saya amat bertuah bersama dengan JKNS dan anda perlu terus bekerjasama dengan saya untuk mengawal Covid ini,"



### Video Pendek 'Kita Takkan Mengalah' Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

**DR. SHA'ARI** kelihatan sebak dalam video bertajuk *Kita Takkan Mengalah* selain merayu orang ramai bekerjasama membendung Covid-19.

katanya.

Dalam pada itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menzahirkan penghargaan kepada petugas kesihatan atas ketahanan, ketabahan dan cekalan mereka yang disifatkan sebagai wira sebenar negara.

"Terima kasih dan salute (tabik hormat) kepada anda. Sejarah akan melihat jasa barisan hadapan sebagai wira sebenar negara kita dalam memerangi

wabak Covid-19," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr. Siti Mariah Mahmud memberitahu, segala usaha dan pengorbanan mereka akan dikenang dalam lipatan sejarah negara.

"Allah tahu yang anda sedang susah, melihat anda putus asa dan mendengar keluhan anda," katanya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 4**  
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

# Korban Covid-19 tertinggi

360 kematian dilaporkan pada Ahad dengan 18,688 kes positif baharu.

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

## PUTRAJAYA

Malaysia mencatatkan 360 kes kematian akibat Covid-19 pada Ahad yang merupakan jumlah tertinggi direkodkan sejak pandemik melanda negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes kematian yang dilaporkan melibatkan 221 kes di Selangor, Kuala Lumpur (41), Melaka (20), Perak (17), Pulau Pinang (15) dan 14 kes di Johor.

"Masing-masing enam di Negeri Sembilan dan Pahang, lima kes di Sabah dan Terengganu, Putrajaya (2) serta satu kes Kelantan," katanya menerusi kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, jumlah kes harian positif Covid-19 pula menurun sedikit kepada 18,688 kes.

"Selangor terus merekodkan jumlah kes harian tertinggi mengikut negeri dengan 6,565 kes diikuti Kuala Lumpur (1,883) dan Kedah (1,610).

"Sabah mencatatkan 1,379 kes, Johor (1,308), Negeri Sembilan (1,140), Kelantan (870), Perak (861), Pulau Pinang (694), Pahang (602), Terengganu (598) dan Sarawak (581) serta Melaka (526).

"Sementara itu, Putrajaya sebanyak



Penduduk sekitar Lembah Klang beratur bagi menerima suntikan vaksin secara 'walk-in' di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Ahad.

63 kes, Perlis (enam) dan dua di Labuan," katanya.

Menurut Dr Noor Hisham, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan sebanyak 17,055 kes sembuh sekali gus menjadikan jumlah kumulatifnya 1,026,398 kes.

Ujar beliau, sebanyak 39 kluster baharu dikenal pasti melibatkan 18 kluster tempat kerja, komuniti (15), kumpulan berisiko tinggi (2), pusat tahanan (2), keagamaan (1) dan pendidikan tinggi (1).

"Jumlah keseluruhan kluster yang dikesan adalah 3,398 kluster dan 2,725 daripadanya diisytiharkan tamat manakala, 1,213 pula masih aktif," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, seramai tiga individu lagi disahkan positif Covid-19 ketika sidang Dewan Rakyat di Parlimen menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 88 kes.

"Kes baharu tersebut mempunyai nilai kitaran ambang di antara 19.15 sehingga 22.27 dengan kadar kebolejangkitan yang tinggi.

"Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) sedang menjalankan jujukan genom penuh dan masih menunggu keputusan akhir," katanya.

Menurutnya, kesemua mereka mempunyai gejala ringan dan sebelum ini telah mendapat vaksin lengkap.

"Hasil siasatan mendapati mereka juga telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan kuarantin sendiri setelah pulang dari sidang Parlimen supaya tidak menjangkiti ahli keluarga.

"Siasatan untuk mengenalpasti kontak rapat semasa persidangan diteruskan oleh Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan," katanya.

**MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**

## Usaha pemulihan negara berjalan seperti dirancang - PM

SHAH ALAM - Usaha pemulihan negara akibat penularan pandemik Covid-19 sedang berjalan seperti yang dirancang di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, selepas PPN dilancarkan, dalam masa dua bulan sahaja Wilayah Persekutuan (WP) Labuan bersama lapan buah negeri lagi telah berjaya beralih keluar daripada Fasa Satu PPN.

"Bermula 4 Ogos 2021, Perlis, Sarawak dan WP Labuan telah melangkah ke Fasa Tiga PPN manakala enam lagi negeri telah pun berada di fasa dua.

"Ini menunjukkan usaha pemulihan sedang berjalan seperti dirancang," katanya ketika mengumumkan kemudahan bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap pada Ahad.

PPN yang dilancarkan 15 Jun lalu merupakan satu strategi peralihan keluar secara berfasa dengan teratur dan sistematik daripada kemelut pandemik Covid-19.

Pelan itu merupakan satu panduan yang dirangka secara berhati-hati berdasarkan data dan sains untuk membolehkan negara kembali kepada kehidupan harian biasa.

Muhyiddin berkata, bagi negeri yang masih belum beralih fasa, usaha dan ikhtiar perlu ditingkatkan supaya dapat bergerak ke fasa seterusnya dengan selamat.


"Sekali lagi ingin saya ingatkan, jangan kita mudah merasa selesa. Sekarang ini kita sedang berhadapan dengan cabaran varian-varian baharu yang lebih ganas seperti varian Delta.

"Kadar penularan jangkitan varian-varian ini begitu cepat, jauh lebih pantas daripada varian-varian awal setahun lalu," katanya.

Muhyiddin berkata, antara strategi kerajaan dalam menguruskan pandemik Covid-19 adalah memastikan populasi di Malaysia divaksinasi.

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

#### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



**Kategori 1** Tanpa gejala  
**Kategori 2** Gejala ringan  
**Kategori 3** Jangkitan paru-paru  
**Kategori 4** Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen  
**Kategori 5** Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

#### Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN:	1,262,540	PULIH:	1,026,398	ICU:	1,095
KEMATIAN:	10,749	KES BAHARU:	18,688	SUDAH DIVAKSIN:	24,033,988

\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 8 Ogos 2021

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Siasat wanita tersalah terima jenis vaksin

JKN-Kedah diminta jalankan siasatan dakwaan tular di media sosial

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

BAGAN SERAI

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah diminta menjalankan siasatan terhadap dakwaan wanita yang tersalah menerima vaksin untuk suntikan dos kedua yang tular di media sosial pada Khamis lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, siasatan dan teguran perlu dilakukan berikutan negara belum melaksanakan pemberian vaksin campuran.

Katanya, pemberian campuran vaksin tiada masalah kerana ia sudah berlaku



Dr Noor Azmi (tengah) beramah mesra dengan petugas-petugas di PPV Dewan Dato Zainal Abidin Zin, Bagan Serai pada Ahad.

di luar negara cuma negara kita belum beri kebenaran untuk amalkan pencampuran vaksin ini.

“JKN Kedah sudah tentu buat siasatan dan kita akan lihat keputusan nanti. Teguran sudah pasti akan diberikan,” katanya ketika ditemui media ketika melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Dato Zainal Abidin Zin di sini

pada Ahad.

Media pada Sabtu melaporkan seorang wanita dari Sik, Kedah mendakwa ibunya tersalah menerima vaksin jenis Sinovac untuk dos kedua sedangkan dos pertama daripada jenis Pfizer.

Dr Noor Azmi berkata, kajian menunjukkan pengambilan suntikan dos vaksin Covid-19 berbeza di United Kingdom iaitu Pfizer dan

AstraZeneca tidak menunjukkan sebarang kesan sampingan kepada penerimanya.

“Bagi kes ini, kita perlu pantau dan sekiranya berlaku sebarang reaksi ia perlu dirujuk ke hospital. Difahamkan tiada masalah yang diterima setakat ini.

“Saya percaya tindakan itu mungkin kesilapan yang tidak disengaja-

kan kerana tugas mereka yang perlu beri suntikan kepada beratus-ratus penerima setiap hari,” katanya.

Beliau menasihatkan semua pihak terutama petugas di PPV supaya lebih berhati-hati agar tiada sebarang kesilapan berlaku.

Dalam perkembangan lain, Dr Noor Azmi berkata, negara akan menerima vaksin Covid-19 jenis CanSino yang dijadualkan tiba Ogos ini.

MEDEPANI  
COVID  
APA TINDAK  
KITA

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : DALAM NEGERI

# 360 kematian tertinggi sehari

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR  
 utusannews@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia merekodkan 360 kematian akibat Covid-19 dalam tempoh 24 jam lalu, jumlah tertinggi sejak pandemik melanda negara ini tahun lalu dengan Selangor penyumbang terbesar dengan 221 kematian.

Jumlah kematian semalam itu melonjakkan angka maut akibat Covid-19 kepada 10,749 individu dengan hampir 10,000 kematian direkodkan pada tahun ini sahaja.

Angka tertinggi sebelum ini adalah pada 4 Ogos lalu dengan 257 kematian manakala 219 kematian dicatatkan pada 2 Ogos dan 210 kematian pada 7 Ogos.

Pada Julai, hanya dua hari sahaja mencatatkan kes kematian melebihi 200 sehari iaitu pada 26 Julai (207 kematian) dan 27 Julai (juga 207 kematian).

Pada ketika ini, 1,095 pesakit sedang dirawat di unit rawatan



**PASANGAN pengantin, Syakila Sapawi dan Muhammad Raihan Mohamad Johan dinikahkan di Masjid Usamah bin Zaid, Wangsa Maju, Kuala Lumpur semalam selepas beberapa masjid terpilih di ibu negara kini dibenarkan menjalankan upacara itu dengan kehadiran dihadkan kepada enam orang sahaja. - UTUSAN/AMIR KHALID**

rapinya dengan 571 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, selain Selangor, 41 kes dicatatkan di Kuala Lumpur, 20 kes

di Melaka, 17 kes di Perak, 15 kes di Pulau Pinang, 14 kes di Johor, tujuh kes di Kedah, masing-masing enam kes di Negeri Sembilan dan Pahang, masing-masing lima kes di Sabah dan Terengganu, dua

kes di Putrajaya serta satu kes di Kelantan.

"Kematian menyaksikan lelaki kekal pesakit terbanyak iaitu 198 kes dan wanita, 162 kes dengan 64 warga asing manakala kes

meninggal di rumah iaitu 56 pesakit warga tempatan dan 29 pesakit warga asing serta 277 pesakit mempunyai pelbagai latar belakang penyakit," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, Malaysia mencatatkan sedikit penurunan kes positif Covid-19 iaitu 18,688 kes berbanding semalam, 19,257 kes dengan 225,393 kes aktif.

Katanya, Selangor terus menjadi penyumbang terbesar apabila merekodkan sebanyak 6,565 kes diikuti Kuala Lumpur (1,883), Kedah (1,610), Sabah (1,379), Johor (1,308) dan Negeri Sembilan (1,140).

Beliau berkata, pada masa ini 1,213 kluster masih aktif dengan pertambahan 39 kluster baharu direkodkan.

Daripada jumlah itu, 18 adalah kluster tempat kerja, 15 kluster komuniti, dua kluster pusat tahanan dan satu kluster kumpulan berisiko tinggi.



**PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melaungkan azam untuk terus berusaha memerangi pandemik Covid-19 walaupun perlu bertugas tujuh hari seminggu.**

## 'Kita takkan mengalah'

**SHAH ALAM:** Biarpun kes harian Covid-19 di Selangor masih tinggi, ia tidak akan sesekali mematahkan semangat petugas kesihatan untuk terus memerangi pandemik itu.

Tekad mewakili kira-kira 30,000 petugas di negeri ini diterjemahkan menerusi video terbitan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).

Video 'Kita Takkan Mengalah' berdurasi lebih tiga minit di laman Youtube itu meraih sebanyak 10,000 tontonan sejak

dimuat naik semalam.

Menerusi video itu, kumpulan petugas kesihatan termasuk yang memakai peralatan perlindungan diri (PPE) dilihat mengangkat tangan sambil melaungkan ungkapan tidak akan mengalah bagi memerangi Covid-19.

Mereka antaranya terdiri daripada kakitangan hospital, Pusat Kesihatan Daerah (PKD), klinik kesihatan, skuad vaksin bergerak dan Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Selangor.

Tambah menyentuh per-

asaan apabila Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Shaari Ngadiman turut sebak ketika menyeru rakyat bekerjasama membendung penularan pandemik.

"Tanpa anda semua, kejayaan ini tidak dapat dicapai. Kejayaan hanya dapat diukur apabila Covid-19 dan kematian berkurangan.

"Saya amat bertuah bersama dengan JKNS dan anda perlu terus bekerjasama dengan saya untuk mengawal Covid ini," katanya.



AKHBAR : THE STAR  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NATION

Covid-19 Current situation		Malaysia: New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	VACCINATED IN MALAYSIA		TOTAL DOSE 1 & DOSE 2 ADMINISTERED	FIRST DOSE TOTAL	SECOND DOSE TOTAL					
		18,688	1,262,540	10,749(+360)	1,026,398(+17,055)	As at 11.59pm Aug 7 (Daily figures in brackets)		24,033,988 (425,698)	15,536,215 (186,035)	8,497,773 (239,663)					
Perlis	Kedah	Penang	Perak	Selangor	Kelantan	Terengganu	Pahang	N. Sembilan	Melaka	Johor	Sabah	Sarawak	FT K. Lumpur	FT Putrajaya	FT Labuan
+6	+1,610	+694	+861	+6,565	+870	+598	+602	+1,140	+526	+1,308	+1,379	+581	+1,883	+63	+2

# Increase in deaths

The new daily record bringing total fatalities to 10,749

**PETALING JAYA:** The number of daily fatalities from Covid-19 reached a new record high with 360 deaths, bringing the toll to 10,749 since the outbreak began.

The previous record was 257 deaths recorded on Aug 4. The number of deaths the day before yesterday was 210.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said out of the total deaths recorded yesterday, 85 were brought-in-dead while the remaining 275 died at the hospital.

Most of the deaths were in the Klang Valley with 221 in Selangor and 41 in Kuala Lumpur, as well as 20 in Melaka, 17 in Perak, 15 in Penang and 14 in Johor.

Dr Noor Hisham said there were a total of 18,688 cases yesterday, bringing the cumulative number to 1,262,540.

Out of the new infections, 1,933 involved clusters, 10,339 were from close contacts, 10 from overseas and 6,406 were sporadic cases.

Of this, 401 cases (2.1%) were in the more serious Categories Three, Four and Five.

"The remaining 18,287 cases (97.9%) are in Categories One and Two.

"This is based on the clinical conditions of the cases," he said in a statement.

Dr Noor Hisham said out of the total number of cases, only 4,460 cases (23.9%) had a vaccination history.

He said for those who were asymptomatic and exhibiting mild symptoms, a total of

## 425,698 doses given on Saturday

**PETALING JAYA:** A total 425,698 doses of Covid-19 vaccine were given on Saturday, says the Health Ministry.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said out of this, 186,035 were first doses while the remaining 239,663 were second doses.

The Special Committee on Ensuring Access to Covid-19 Vaccine Supply

(JKJAV) said up to Saturday, 36.3% or 8,497,773 people have been fully vaccinated.

The JKJAV also said 15,536,215 people or 66.4% of the population had received at least one dose.

Registrations for vaccination can be done via MySejahtera, <http://vaksincovid.gov.my> or by calling 1800-8888-28.

1,146 vaccinated individuals were in Category One while 3,244 immunised people were in Category Two.

Under Category Three for patients with pneumonia, 51 had been vaccinated while for Category Four, which includes patients with pneumonia requiring oxygen, 14 had a history of vaccination.

In Category Five, which is the most severe category, five had been vaccinated.

There were also 17,055 recoveries, which means 1,026,398 people have recovered from the disease.

Currently, there are 1,095 patients in intensive care units with 571 of them requiring ventilator support.

Dr Noor Hisham also said there were 39

new clusters, of which 18 stemmed from workplaces, 15 were in the community, two each from detention centres and high risk groups, and one each involving a religious activity and a higher educational institution.

"Based on the latest data, the RT for Malaysia stands at 1.08," he said, referring to the national infectivity rate.

In a separate statement, Dr Noor Hisham said the ministry found another three cases of Covid-19, each having high infectivity rate, linked to the recent special Parliament sitting, bringing the total number of cases there to 88.

"The Institute of Medical Research is carrying out whole genomic sequencing and is still

### New cases by category for Aug 8

TOTAL CASES 18,688

#### Category 1

Asymptomatic (no symptoms)  
**8,928 cases - 47.8%**

#### Category 2

Mild symptoms  
**9,359 cases - 50.1%**

#### Category 3

Pneumonia (inflammation of the lungs)  
**135 cases - 0.7%**

#### Category 4

Pneumonia and require oxygen  
**81 cases - 0.4%**

#### Category 5

Pneumonia and need ventilator support  
**185 cases - 1.0%**

Source: Health Ministry TheStar graphics

waiting for the final results.

"All these cases have mild symptoms and had been fully vaccinated prior to being infected," he added.